

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]**

**SOALAN : Meminta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

Status dan pencapaian bahagian herba Kementerian Pertanian. Apakah alasan kukuh pihak Kementerian terhadap aduan pekerja kontrak yang telah lama berkhidmat bersama bahagian ini diberhentikan dan tidak diserap ke jawatan tetap.

## JAWAPAN

Bahagian Pembangunan Herba (HDD) telah ditubuhkan sebagai *project based* untuk melaksanakan pelan tindakan Projek Permulaan 1 (*Entry Point Project 1*) NKEA Pertanian –Produk Herba Bernilai Tinggi. Penubuhan HDD pada 15 Oktober 2014 adalah secara pentadbiran. Antara pencapaian melalui penyelarasan aktiviti pihak kerajaan, swasta dan institusi penyelidikan/pengajian tinggi yang dilaksanakan oleh HDD adalah:

- (i) pembangunan kawasan penanaman herba secara “in situ” di kalangan usahawan herba/rempah ratus berdasarkan kluster herba bagi memenuhi keperluan dan permintaan semasa industri terhadap bekalan bahan mentah herba yang berterusan dan berkualiti. Sehingga kini, sebanyak 20 buah kluster herba seluas 910 hektar yang melibatkan 917 peserta telah dibangunkan di seluruh negara;
- (ii) pelaksanaan 140 kajian penyelidikan herba bawah Skim Geran Penyelidikan NKEA di mana 60 daripadanya telah selesai dan 80 masih dalam peringkat pelaksanaan. Hasilan kajian digunakan untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanaman herba yang berkualiti, menentukan secara tepat paras kandungan bahan penanda serta metabolik aktif bagi keberkesanan dan keselamatan produk herba, mengenalpasti sebatian dan tindak balas bahan aktif produk herba serta menentukan proses operasi pengekstrakan bahan mentah terpiawai dalam skala besar;
- (iii) pengujian pra-klinikal dan klinikal 27 produk herba yang dikeluarkan oleh 14 syarikat peneraju yang bertujuan untuk

mengesahkan secara saintifik kandungan dan keberkesanan produk berkenaan serta mematuhi piawaian antarabangsa; dan

- (iv) pendokumentasian data industri herba di peringkat hulu dan hiliran serta pengetahuan tradisi berkaitan tumbuhan ubatan negara. Tiga buah buku telah diterbitkan iaitu MSS 2999 Kitab Tib: Pandangan dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu, Statistik Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia dan Direktori Penanam Herba; manakala tujuh lagi penerbitan dijangka akan siap dalam tahun 2016.

Selaras dengan penubuhan Bahagian secara *project based*, perlantikan kakitangan adalah berdasarkan kepada kontrak Kementerian. Perlantikan ke jawatan tetap pula adalah tertakluk kepada kekosongan berdasarkan waran perjawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).